



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK UNGKU OMAR
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh
PERAK, MALAYSIA

Visi : Merealisasi Politeknik APEX
Misi : Menginspirasi Pemimpin Harapan
Slogan : Rekayasa masa hadapan, "Engineering Futures"
Nilai Teras : Integriti, Hormat, Mampan



Tel : 1-300-88-1969, 05-545 7622
Faks : 05-547 1162
Laman Web : www.puo.edu.my

No.Ruj: PUO/PA/368 (15)
Tarikh :23Julai 2026

Saudara/Saudari,

**PEMAKLUMAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON
TENGAH TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) akan melaksanakan Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah Tahun 2026 yang akan berlangsung selama lapan (8) hari, bermula 24 September hingga 1 Oktober 2026 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

3. Sehubungan dengan itu, semua graduan yang terlibat adalah dimohon untuk mengambil maklum bahawa segala urusan berkaitan majlis konvokesyen, termasuk semakan sidang konvokesyen, jadual istiadat, panduan graduan, kaedah pembayaran yuran, tatacara pendaftaran, pemakaian serta hebahan dan maklumat terkini akan disalurkan melalui Portal Rasmi Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah Tahun 2026 di pautan berikut: <https://konvotengah.puo.edu.my/>

4. Graduan disarankan untuk melayari portal tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan semua tindakan dan keperluan berkaitan istiadat konvokesyen dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

5. Kerjasama dan perhatian saudara/saudari dalam memastikan segala urusan berkaitan Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah Tahun 2026 berjalan dengan lancar amatlah dihargai. Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HAJAH SALMI BINTI CHE MEH, B.C.N.)

Pengerusi

Majlis Konvokesyen POLYCC Zon Tengah

Nhajar/jpa

